

UMS juara Pantun Peringkat Negeri

UB 13-7-13 84

PASUKAN Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjuarai Pertandingan Pesta Pantun Peringkat Negeri yang telah dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah bertempat di Auditorium JKKN Kota Kinabalu.

Pasukan UMS yang diwakili Jass Azliezan Jasili, Abdul Manan

Perman, Mohd Saqafi dan Abdul Hadi Meredan selaku simpanan telah menewaskan pasukan dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Pasukan UMS juga telah merangkul hadiah untuk persembahan terbaik.

Pada peringkat saringan, pasukan UMS telah menewaskan pasukan dari Arkib manakala pasukan JPN telah menewaskan

pasukan dari Hospital Beaufort.

Pada pusingan akhir, setiap pasukan diberikan tema nilai murni dan isu semasa manakala pusingan ketiga adalah spontan.

Pasukan UMS selaku johan telah menerima hadiah wang tunai RM1,000 dan RM300 untuk persembahan terbaik, beserta sijil dan piala irangan.



DARI kiri: Abdul Hadi, Mohd Saqafi, Jass Azliezan dan Abdul Manan bersama piala yang dimenangi.